

Proton mesti utama kualiti

PM mahu kereta dihasilkan mampu bersaing di pasaran antarabangsa

Oleh Mutazar Abdul Ghani dan Azman Zakaria

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Proton sentiasa berusaha meningkatkan kualiti kenderaannya untuk membolehkannya terus bersaing bukan saja di dalam negara tetapi juga di pasaran antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, perseediaan mesti dilakukan semua kakitangan pengeluaran kereta nasional itu bagi menghasilkan kereta yang berdaya saing, dari segi harga dan kualiti.

“Jika cabaran untuk terus kompetitif dan bersaing, terutama dengan kereta import adalah cabaran yang hebat, saya yakin semangat yang ada pada tuan-tuan akan membolehkan kita mencapai tahap yang boleh bersaing dengan kereta lain.

“Jangan kata kita kalah dan tidak boleh bersaing. Amat memalukan jika orang kata kita tak boleh bersaing kerana kita bukan kurang kebolehan. Saudara perlu buktikan Proton menjadi syarikat automotif kebanggaan negara,” katanya ketika melancarkan model terbaru Proton, Satria Neo di Pusat Kecemerlangan Proton di Shah Alam, semalam. Pada majlis itu beliau turut merasmikan pusat kecemerlangan berkenaan.

Satria Neo yang menggunakan enjin yang dibangunkan Proton sendiri, Campro adalah kereta hatchback dua pintu bagi menggantikan model Satria sedia ada.

Abdullah turut menegaskan bahawa dakwaan sesetengah pihak bahawa beliau tidak suka kepada Proton adalah sama sekali tidak benar. Perdana Menteri berkata, wawa-

san kerajaan bukan saja untuk melihat Proton berkembang tetapi juga keseluruhan sektor automotif negara melalui Dasar Automotif Negara.

Sementara itu, Pengarah Urusan Proton, Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir berkata, syarikat menasarkannya menjual antara 2,000 hingga 2,500 unit sebulan Satria Neo.

Beliau berkata, angka dijangkakan meningkat apabila industri automotif tempatan yang kurang menggalakkan ketika ini, kembali pulih.

Katanya, berdasarkan sambutan terhadap model Satria Neo diperkenalkan sebelum ini, syarikat yakin Satria Neo menerima sambutan sama.

“Sebagaimana kita tahu keadaan pasaran industri automotif ketika ini adalah lembap, namun menerusi kempen promosi dan jualan yang akan diadakan, kami yakin mencapai unjuran jualan yang disasarkan.

“Tambahan pula Satria Neo adalah kereta berkualiti kerana banyak pembaharuan dan peningkatan dilakukan terhadap model ini, termasuk masalah tingkap kuasa,” katanya pada sidang akhbar ketika sesi pandu uji Satria Neo di Litar F1 Sepang, Rabu lalu.

Satria Neo ditawarkan dalam enam varian iaitu 1.3 Manual, 1.3 Automatik, 1.6 Manual, 1.6 Manual, 1.6 Manual H-Line dan 1.6 Automatik H-Line.

ia boleh diperolehi dalam lima warna menarik, iaitu oren, merah, biru, putih dan kelabu mulai hari ini.

Varian 1.3 Manual dijual pada harga atas jalan RM43,500; 1.3 Automatik (RM46,500); 1.6 Manual (RM48,500); 1.6 Automatik (RM51,500); 1.6 Manual H-Line (RM51,800) dan 1.6 Automatik H-Line (RM54,800).



MUDA DAN BERGAYA: Abdullah melihat model baru Proton, Satria Neo, diiringi Syed Zainal Abidin (kanan) dan Pengerusi Proton, Datuk Azlan Hashim (kiri) selepas melancarkannya di Pusat Kecemerlangan Proton di Shah Alam, semalam.

Syed Zainal berkata, Satria Neo yang berkonsepkan ‘Muda dan Bergaya’ dengan reka bentuk sporty, disasarkan kepada golongan berusia 18 hingga 30 tahun dan mereka yang tinggal di kawasan bandar.

Katanya, ia direka bentuk daripada evolusi model asal Satria dan mengekalkan tradisi prestasi Lotus, untuk mewujudkan pengalaman pemanduan yang diinginkan golongan sasaran.

Beliau berkata, selain pasaran tem-

“*Kalau syarikat kereta lain maju, saya tak cemburu tetapi kalau Proton tak maju, saya marah*”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

patan, Satria Neo turut disasarkan untuk eksport, termasuk pasaran eksport sedia ada terutama di Britain dan Australia, selain pasaran baru.

“Eksport bagi model pemanduan sebelah kanan akan dimulakan pada suku ketiga tahun ini, manakala model pemanduan sebelah kiri pada suku pertama 2007,” katanya sambil menambah pelancaran modal itu dijangka memperbaiki semula kedudukan Proton dalam industri automotif tempatan.